

# Usah keluar lesen balak sewenang-wenang: PM

BH- 11/8/2007.

## Kerajaan pastikan pengurusan sumber hutan mapan, berhemat

Oleh Suzianah Jiffar

**S**ANDAKAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pengurusan dan penggunaan sumber hutan di negara ini dilaksanakan secara mapan dan berhemat demi memelihara kestabilan ekosistem serta kepelbagaian biologinya.

Sejajar komitmen itu, Perdana Menteri meminta pihak yang bertanggungjawab dalam pelbagai urusan berkaitan aspek penjagaan hutan di Sabah tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan lesen bagi tujuan pembalakan.

"Saya sendiri akan menyatakan tidak kepada mereka yang minta lesen untuk membalak terutama di kawasan konsesi hutan. Saya tahu (Ketua Menteri Sabah) Datuk Seri Musa Aman juga akan buat perkara yang sama.

"Kawasan hutan perlu dilindungi dan amanat itu akan dilaksanakan sebaik mungkin oleh Pengarah Jabatan Perhutanan negeri (Datuk Sam Mannan), malah sikap degil Datuk Sam dan Musa yang tidak memberi lesen pembalakan sewenang-wenang-

nya, adalah amat baik.

"Saya harap semua pegawai Jabatan Perhutanan akan tegas menguatkuasakan undang-undang berkaitan perlindungan hutan," katanya berucap merasmikan Pusat Penemuan Hutan Hujan (RDC) di Sepilok, kira-kira 50 kilometer dari sini, semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Musa dan isteri, Datin Seri Faridah Tussin; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid; Menteri Besar Kedah, Datuk Mahadzir Khalid dan Sam.

RDC yang terletak dalam kawasan Hutan Simpan Kabili-Sepilok mempunyai keluasan kira-kira 106 hektar daripada kawasan keseluruhan 4,400 hektar. Pusat itu ditubuhkan pada 2001 menerusi projek Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

RDC adalah pusat pendidikan alam sekitar yang diselenggarakan oleh Pusat Penyelidikan Perhutanan Sepilok, Jabatan Perhutanan Sabah. Antara lain, ia memberi pendidikan alam sekitar kepada guru dan pelajar.

Abdullah berkata, pengurusan hutan mapan dan lestari adalah komponen utama dalam usaha pengeka-

lan kepelbagaian biologi serta alam sekitar, selain turut diperakui secara global.

"Pengurusan hutan yang mapan perlu bagi menjamin alam sekitar lestari. Kita mempunyai tanggungjawab besar bagi memastikan mampu mengekalkan kestabilan alam sekitar untuk manfaat generasi akan datang.

"Kita juga perlu bersyukur kerana selepas 50 tahun merdeka, kita mampu mengekalkan kira-kira 60 peratus daripada kawasan tanah di seluruh

negara sebagai kawasan hutan," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara turut komited dalam program 'Jantung Borneo' yang merangkumi kawasan seluas 240,000 kilometer persegi bagi tujuan penyelidikan dan aktiviti berkaitan perlindungan hutan.

Selain itu, beliau turut meminta supaya pelaksanaan program ladang hutan diberi perhatian sepenuhnya dan disegerakan.

"Kita harap pokok berkualiti ditanam bagi dijadikan sumber kayu. Jika kita menanam pokok, kita ada hak untuk menebangnya. Bagaimanapun, jika tiada pokok ditanam, kita tiada hak menebang pokok yang mengambil masa terlalu lama untuk membesar," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah turut menandatangani dua memorandum persefahaman (MOU) membabitkan Kumpulan Yayasan Sabah dengan Synergy Farm (M) Sdn Bhd dari Pulau Pinang bagi penanaman pisang jenis Cavendish.

MOU kedua adalah kerjasama di antara kerajaan Sabah dan Kedah bagi projek penanaman ladang getah di Sabah.

### FAKTA NOMBOR

#### Pusat Penemuan Hutan Hujan

**106**

Hektar keluasan

**6**

Tahun beroperasi